

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETWO, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 6 Julai 2009

SOALAN

YB Puan Mumtaz binti Md. Nawi minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan samada terdapat peruntukan dan pemantauan khas bagi menjayakan Sambutan Hari Ibu, Hari Bapa, Hari Ibu Bapa dan pelbagai jenis hari lain diraikan di pelbagai peringkat agar ianya benar-benar menepati sasaran dan menepati agama dan adat budaya setempat.

JAWAPAN

Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) tidak mempunyai sebarang peruntukan khas bagi menjayakan Sambutan Hari Bapa, Hari Ibu dan pelbagai jenis hari lain yang diraikan di pelbagai peringkat. Buat masa ini, pelaksanaan sambutan pelbagai jenis hari ini dibuat menggunakan peruntukan LPPKN dimana peruntukan tersebut telah diambil kira dalam perancangan tahunan. Dari segi pemantauan pula, LPPKN tidak melaksanakan sebarang pemantauan khas. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa penilaian yang dibuat bagi sambutan-sambutan yang dijalankan, iaitu post mortem terhadap sambutan, pemantauan dari segi penyertaan/kehadiran untuk melihat sambutan masyarakat dan penilaian terhadap aktiviti ceramah/kursus/perkhidmatan (seperti saringan kesihatan dan kembara kaunseling) yang dibuat melalui maklumbalas peserta. Program sambutan yang dilaksanakan oleh LPPKN adalah bercorak multi etnik bagi mengambilkira masyarakat dari pelbagai etnik dan diperingkat akar umbi, selain memberi peluang penyertaan yang samarata dari segi gender. Antara contoh sambutan yang dilaksanakan adalah Sambutan Hari Ibu di Kuantan di mana program lawatan rumah ke rumah "Nur@Rumah" merupakan salah satu aktiviti dalam program sambutan tersebut. Satu lagi contoh adalah Program Hari Bapa di Bidor, Perak yang memberi fokus kepada masyarakat di peringkat akar umbi Tuan Yang di-Pertua, Selain itu juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut meraikan Sambutan Hari Kanak-kanak, Hari OKU dan Hari Warga Emas setiap tahun. Sambutan bagi ketiga-tiga perayaan tersebut diraikan pada tarikh berbeza di mana Hari Kanak-Kanak disambut pada mana mana hari Sabtu Bulan Oktober, Hari Orang Kurang Upaya(OKU) pada 3 Disember dan Hari Warga Emas pada 1 Oktober. JKM menyediakan peruntukan setiap tahun bagi membolehkan ketiga-tiga perayaan tersebut diraikan. Sambutan Hari Kanak-Kanak, Hari OKU dan Hari Warga Emas merupakan satu bentuk pengiktirafan Kerajaan bahawa ketiga-tiga kumpulan sasar tersebut yang merupakan sebahagian anggota masyarakat yang penting dan perlu diberi perhatian. Pengisian aktiviti dan program sempena perayaan tersebut dirancang sesuai dengan kumpulan sasar seperti konvensyen, seminar, pameran, sukaneka dan lain-lain lagi. Dalam meraikan setiap perayaan tersebut, JKM akan melibatkan pelbagai etnik dan program dilaksanakan mengambilkira sosio-budaya masyarakat setempat.

Jawapan Disediakan Oleh Agensi:

- 1) Nama : Annita Mohd Hedzir
- 2) Jawatan : Pegawai Tadbir
- 3) Bahagian : Perancangan Korporat

Jawapan Disemak Oleh Agensi:

- 1) Nama : Dr. Siti Norlasiah Ismail
- 2) Jawatan : Pengarah Perancangan Korporat

Diluluskan Oleh Agensi:

- 1) Nama : Dr. Anjli Doshi
- 2) Jawatan : Timbalan Ketua Pengarah (Dasar), LPPKN

Jawapan disemak oleh Kementerian:

- 1) Nama : Dato' Saripuddin Kasim
- 2) Jawatan : Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Jawapan diluluskan oleh Kementerian:

- 1) Nama : Tan Sri Faizah Mohd Tahir
- 2) Jawatan : Ketua Setiausaha

